

KATA ADJEKTIF

Kata adjektif ialah perkataan yang menerangkan sifat atau keadaan sesuatu kata nama atau frasa nama.

Kata adjektif terbahagi kepada sembilan jenis, iaitu:

- **kata adjektif sifatan**
- kata adjektif warna
- **kata adjektif ukuran**
- kata adjektif bentuk
- kata adjektif waktu
- **kata adjektif jarak**
- kata adjektif cara
- kata adjektif perasaan
- **kata adjektif pancaindera**

Kata Adjektif Sifatn

Kata adjektif sifatn atau keadaan ialah kata adjektif yang memberi pengertian sifatn atau keadaan sebagai unsur keterangan nama.

Contoh:

1. Kereta itu masih dalam keadaan *baik*.
2. Bilik Alia senantiasia dalam keadaan *kemas*.
3. Air Sungai Sarawak mengalir dengan *tenang*.
4. Yoges agak *lemah* dalam mata pelajaran Matematik.
5. Wahidan berasa *segar* setelah mandi.

Kata Adjektif Ukuran

Kata adjektif ukuran ialah jenis kata adjektif yang membawa pengertian ukuran sebagai unsur keterangan.

Contoh:

1. Rushdi menggunting rambutnya yang telah *panjang*.
2. Zatul terbaca novel yang *tebal* itu.
3. Semak yang semakin *tinggi* itu telah ditebas oleh Pak Wan.
4. Rumah yang *besar* itu kepunyaan Haji Deraman.
5. Murid yang *rendah* diminta berdiri di hadapan.

Kata Adjektif Jarak

Kata adjektif jarak ialah kata adjektif yang membawa pengertian konsep ruang antara dua keadaan.

Contoh:

1. Kakak duduk *damping* dengan ibu.

2. Rumah Fazlin *dekat* dengan pejabat pos.
3. Mereka berkawan *rapat* sejak kecil lagi.
4. Dani berbasikal ke tempat itu walaupun *jauh*.
5. Kamil berdiri *hampir* dengan tiang elektrik.

Kata Adjektif Pancaindera

Kata adjektif pancaindera ialah kata adjektif yang membawa pengertian konsep rasa, pandang, dengar, bau, sentuh atau gabungan kelima-lima indera.

Contoh:

1. Cuaca pada hari ini *cerah*.
2. Walaupun Dina tidak cantik tetapi *manis* orangnya.
3. Sofa yang baru dibeli oleh ayah *selesa*.
4. Bunyi *bising* mengejutkan bayi itu daripada tidur.
5. Masakan emak Fahmi sangat *enak* rasanya.

KESALAHAN PENGGUNAAN KATA ADJEKTIF

(a) Kesalahan penggunaan kata penguat dengan kata adjektif berawalan ter-.

SALAH	BETUL
<ol style="list-style-type: none"> 1. *Bangunan inilah yang tertinggi sekali. 2. *Rumahnya kelihatan amat terjelas sekali dari atas bukit. 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Bangunan inilah yang tertinggi. (atau) Bangunan inilah yang tinggi sekali. 2. Rumahnya kelihatan amat jelas sekali dari atas bukit.

(b) Kesalahan penggunaan kata ganda berawalan se- dengan kata adjektif

SALAH	BETUL
<ol style="list-style-type: none"> 3. *Secantik-cantik sangat tempat itu tidaklah secantik kampung saya. 4. *Senakal-nakal amat perangnya, dia masih menghormati ibu bapanya. 	<ol style="list-style-type: none"> 3. Secantik-cantik tempat itu tidaklah secantik kampung saya. 4. Senakal-nakal perangnya, dia masih menghormati ibu bapanya.

(c) Kesalahan penggunaan kata adjektif ganda berentak dengan kata penguat.

SALAH	BETUL
<ol style="list-style-type: none"> 1. *Rambutnya terlalu kusut-masai. 2. *Suasana di pasar malam itu amat hingar-bingar. 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Rambutnya kusut-masai. (atau) Rambutnya terlalu kusut. 2. Suasana di pasar malam itu hingar-bingar. (atau) Suasana di pasar malam itu amat hingar.

(d) Kesalahan peluasan frasa adjektif

SALAH	BETUL
1. *Feliza gemar masakan ibunya	1. Feliza gemar akan masakan ibunya.
2. *Hasni patuh nasihat ibunya.	2. Hasni patuh akan nasihat ibunya.